

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM INOVASI “MY SECOND EYE”
12/08/2014**

HOTEL ISTANA KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Good morning and Salam 1Malaysia.

YB Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah
Deputy Minister of Science, Technology and Innovation;

YB Tan Sri Datuk Prof. Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin,
Chairman Board of Directors, Universiti Teknikal Malaysia;

YB Dato' Ganesan Supayah,
CEO Malaysian Association of the Blind;

Mr Osman Morad,
CEO and Managing Director Standard Chartered Bank Malaysia Berhad;

Mr Matthew Norris,
Group Head, Technology & Operations, Geographies Standard Chartered Bank PLC;

YBhg. Dato' Arif Siddiqui,
CIO Standard Chartered Bank Malaysia Berhad;

Prof. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin
Vice Chancellor of University Technical Malaysia (UTeM);

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri , Puan Sri-Puan Sri, Dato'- Dato' and Datin- Datin;

Members of the Media;

Distinguished Guests;

Ladies and Gentlemen.

Assamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia and a very good Morning.

1. Alhamdulillah, all praise to Allah s.w.t., by whose grace and blessings we are able to

gather here today. I would like to thank the organiser Standard Chartered Bank Malaysia Berhad (Standard Chartered) for inviting me this morning to launch “My Second Eye Program”, a Corporate Social Responsibility (CSR) project focusing on visually impaired community in Malaysia.

2. I would also like to congratulate Standard Chartered and Universiti Teknikal Malaysia (UTeM), on this smart partnership focusing on empowering the blind and visually impaired community. It is most encouraging to see corporate sector in Malaysia stepping forward to organise such CSR initiatives. I am proud to be associated with such efforts that will go a long way in empowering people with disabilities.

Hadirin Yang dihormati sekalian,

3. Program anjuran bersama Standard Chartered dan UTeM ini merupakan satu pendekatan serampang dua mata dalam melaksanakan program berbentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada masyarakat yang cacat penglihatan.

4. Saya difahamkan program “My Second Eye” ini adalah merupakan salah satu program yang bernaung dibawah payung ‘Seeing is Believing’, satu usaha global Standard Chartered bersama Agensi Antarabangsa untuk Pencegahan Buta (IAPB) iaitu inisiatif untuk mencegah dan merawat masalah cacat penglihatan selain dari memperkasakan komuniti orang buta. ‘Seeing is Believing’ telah berjaya melaksanakan beberapa program dan kempen dalam usaha untuk membantu masyarakat yang menghadapi masalah penglihatan.

5. Contohnya dalam membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah penglihatan, satu bengkel seni telah dianjurkan untuk pelajar cacat penglihatan dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak yang bertujuan untuk memupuk dan mencungkil bakat seni mereka.

6. ‘Seeing is Believing’ juga telah memberi geran inovasi kepada Majlis Orang Buta Kebangsaan Malaysia (NCBM) menerusi Kesatuan Orang-Orang Buta Dunia (World Blind Union) dibawah kategori projek pinjaman peralatan adaptif yang bertujuan untuk meningkatkan kadar pekerjaan dikalangan orang cacat penglihatan di Malaysia. Di bawah projek ini, peralatan khas seperti alat bantuan Braille akan disediakan kepada majikan apabila mereka mengambil individu cacat penglihatan bekerja.

7. Ini adalah merupakan antara usaha serta inisiatif yang dilakukan oleh pihak swasta sebagai sokongan kepada usaha berterusan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan selama ini. Saya berharap agar usaha murni ini akan dapat diteruskan di masa akan datang.

8. Hari ini membuka satu lagi lembaran baru dalam inovasi negara melalui usaha pihak

UTeM menghasilkan peralatan yang dapat membantu masyarakat yang menghadapi masalah dari segi penglihatan. Program hari ini menyaksikan sumbangan alat teknologi bantuan (assistive technology gadget) iaitu My Second Eye kepada individu buta dari Persatuan Orang Buta Malaysia dan Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia. Kejayaan program ini dibantu oleh pihak Standard Chartered yang telah menyumbang dan turut bekerjasama melakukan penambahbaikan dalam penghasilan inovasi “My Second Eye”.

9. Dengan gabungan usaha dan kerjasama yang lebih bersepadu serta sinergi yang mantap, diharap Standard Chartered dan UTeM akan sentiasa mengambil langkah untuk memperkemas dan memantapkan lagi inovasi “My Second Eye ini”.

10. Sehubungan itu, saya berharap alat bantuan teknologi ini dapat disumbangkan secara meluas kepada seluruh komuniti yang mengalami masalah penglihatan di negara kita di masa akan datang. Saya berharap sumbangan pada fasa seterusnya akan memberi manfaat kepada lebih ramai masyarakat yang memerlukannya. Statistik terkini memaparkan seramai 46,875 individu cacat penglihatan yang berdaftar dengan di Malaysia. Oleh yang demikian sumbangan yang diberikan seperti ini sekurang-kurangnya boleh membantu mereka berdikari dalam menjalani kehidupan harian dengan lebih mudah lagi tanpa terlalu bergantung dengan bantuan orang lain.

11. Saya juga amat bangga dengan inovasi “My Second Eye” ini, kerana ia merupakan hasil penyelidikan dan inovasi anak tempatan dari UTeM. Dengan penggunaan sensor elektronik, inovasi ini dapat membantu mengesan halangan di atas paras tubuh badan sekali gus memberi isyarat kepada pengguna arah halangan bagi membantu memudahkan pergerakan mereka.

12. Saya juga dimaklumkan bahawa “My Second Eye” ini juga telah berjaya memenangi anugerah antarabangsa di antaranya - Pingat Perak di “International Exhibition of Invention of Geneva” dan “Best Invention Award” dari “World Invention Intellectual Property Association (WIIPA)”. Tahniah saya ucapkan kepada UTeM atas usaha yang membanggakan negara kita.

13. Saya berharap inovasi ini juga akan memberi inspirasi kepada pereka muda dalam membawa lebih banyak idea inovatif dan ciptaan yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat kurang upaya di negara kita. Sekaligus ia akan menyumbang kepada pembangunan dan penyelidikan di negara ini agar setaraf dengan pembangunan dan penyelidikan di peringkat global.

14. Inovasi bukan sahaja menjadi penyumbang kejayaan kepada sesebuah organisasi, malah ia juga berperanan melonjakkan kemajuan sesebuah negara dan mengukuhkan

kedudukan negara tersebut di dalam ranking daya saing global. Inovasi yang dihasilkan bukanlah bertujuan menyertai pertandingan atau mendapat pengiktirafan semata-mata, tetapi matlamat utama adalah sebagai usaha berterusan bagi meningkatkan budaya inovasi dalam masyarakat kita.

15. Edward de Bono yang merupakan seorang tokoh dalam motivasi diri dan inovasi ada menyatakan bahawa “Creativity is a great motivator because it makes people interested in what they are doing. Creativity gives hope that there can be a worthwhile idea”.

16. Sumbangan Institut Pengajian Tinggi (IPT) negara amat besar dalam bidang penyelidikan dan ia telah banyak menyumbang kepada sistem inovasi kebangsaan. Inovasi merupakan satu agenda penting negara. Aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang giat dilaksanakan oleh IPT amat berpotensi sama ada untuk dikomersilkan atau diterapkan sebagai amalan yang sekaligus akan meningkatkan produktiviti dan kemakmuran negara. Inovasi yang dihasilkan oleh UTeM ini merupakan salah satu hasil inovasi yang boleh dikomersilkan serta dapat membantu masyarakat yang mengalami masalah penglihatan.

17. Kerajaan sentiasa menyokong inisiatif seperti ini terutama yang melibatkan kerjasama pintar di antara sektor swasta dan institut pengajian tinggi untuk menghasilkan kajian yang boleh memberi manfaat secara keseluruhan kepada rakyat. Kerjasama seperti ini perlulah dicontohi oleh agensi-agensi serta badan korporat yang lain agar lebih ramai yang tampil ke hadapan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial seperti ini.

Ladies and gentlemen,

18. I would like to take this opportunity to acknowledge the work of organisations and associations such as Malaysian Association of the Blind, Society for the Blind, Yayasan Orang Buta Malaysia, National Council of the Blind and many others for their continuous efforts. The services and supports which you have provided are commendable as it has improved the quality of life for people with visual impairment.

19. Once again, congratulations to Standard Chartered, UTeM, Malaysian Association of the Blind, Society for the Blind and everyone involved in My Second Eye Program. I wish the program every success.

20. Akhir kata, dengan lafaz Bismillah-ir Rahman-ir Rahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Program “Standard Chartered My Second Eye.”

Sekian Terima kasih.

Wabillahi al-taufiq wa al-hidayah wa as-salamu’alaikum wa rahmatullahi wabarakatuh.

